

TIPS MEMBENTUK PASUKAN USAHANIAGA BAHARU YANG MANTAP

DISEDIAKAN
OLEH:

MERLYN RITA ANAK BUNCHA
& DR SALMAH TOPIMIN,
PENYARAH
KEUSAHAWANAN,
FAKULTI PERNIAGAAN,
EKONOMI DAN
PERAKAUNAN,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.
merlyn@ums.edu.my



Pembentukan sebuah usaha niaga baru atau usaha teroka merupakan salah satu aktiviti penting dalam proses keusahawanan. Individu atau sekumpulan individu yang berkeinginan untuk menjalankan dan menguruskan sesebuah usahaniaga baharu haruslah bijak dan aktif melihat serta mencari dan menilai peluang dalam pasaran untuk mencipta nilai dan usaha pertumbuhan yang berterusan di samping menyusun dan mengeksploitasi keperluan sumber-sumber dengan tujuan mencipta kekayaan. Ianya perlu dijayakan melalui usaha bekerjasama secara kreatif menghasilkan aktiviti-aktiviti inovatif.

Setiap individu atau sekumpulan individu tersebut perlu bergabung tenaga, kemahiran atau skil, bakat, pengetahuan dan pengalaman yang ada pada diri masing-masing untuk mengusahakan dan mengoperasikan perniagaan secara mantap dan aktif

TIPS MEMBENTUK PASUKAN USAHANIAGA BAHARU YANG MANTAP

DISEDIAKAN
OLEH:

MERLYN RITA ANAK BUNCHA
& DR SALMAH TOPIMIN,
PENSYARAH
KEUSAHAWANAN,
FAKULTI PERNIAGAAN,
EKONOMI DAN
PERAKAUNAN,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.
merlyn@ums.edu.my

Pasukan usahaniaga baharu adalah merupakan sekumpulan individu yang bekerjasama mengalihkan ide usahaniaga menjadi sebuah usahaniaga baru yang boleh dilaksanakan. Pasukan ini terdiri daripada sekumpulan pengasas firma, pekerja utama, dan penasihat yang mana berfungsi sepenuhnya untuk menentukan keseluruhan kejayaan sesebuah firma.

Senarai tips membangunkan usahaniaga baharu adalah seperti berikut:

- ✚ Penyatuan dan penggabungan sekumpulan individu untuk bertindak sebagai satu pasukan bagi mengusahakan sesebuah usahaniaga baharu adalah merupakan salah satu daripada aktiviti kritikal bagi seorang pengasas atau pengasas-pengasas firma.
- ✚ Pertimbangan terperinci haruslah dilakukan untuk memastikan matlamat atau wawasan perniagaannya tercapai

Pemilihan dan penggabungan sekumpulan individu yang mempunyai latarbelakang pendidikan dan pengetahuan serta pengalaman berbeza boleh memberikan kelebihan kompetitif kepada sesebuah usahaniaga baharu yang mantap

TIPS MEMBENTUK PASUKAN USAHANIAGA BAHARU YANG MANTAP

dan adanya usaha berterusan untuk kelangsungan perniagaan dan meluaskannya.

- ✚ Pasukan usahaniaga baharu perlulah lebih berdaya saing dan berdaya mampan untuk membolehkan mereka mendapat kelebihan persaingan berbanding dengan firma lain. Perubahan arus teknologi dan era globalisasi yang semakin pesat adalah antara cabaran yang dihadapi oleh firma baharu.
- ✚ Pasukan ini tidak semestinya perlu dibentuk sebelum atau semasa peringkat awal menubuhkan usaha niaga baru.
- ✚ Firma yang mempunyai personel yang berpengalaman, berpengaruh dan berkualiti tinggi boleh memberikan khidmat nasihat yang baik dan berguna kepada firma tersebut. Ini seterusnya boleh memberi jaminan serta menyumbang kepada kejayaan firma baru tersebut.

DISEDIAKAN
OLEH:

MERLYN RITA ANAK BUNCHA
& DR SALMAH TOPIMIN,
PENYARAH
KEUSAHAWANAN,
FAKULTI PERNIAGAAN,
EKONOMI DAN
PERAKAUNAN,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.
merlyn@ums.edu.my

Individu-individu yang lain yang berminat serta mempunyai kriteria unik tertentu dan berlainan bolehlah menyertai pasukan ini dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian dan keperluan firma itu sendiri.

TIPS MEMBENTUK PASUKAN USAHANIAGA BAHARU YANG MANTAP

DISEDIAKAN
OLEH:

MERLYN RITA ANAK BUNCHA
& DR SALMAH TOPIMIN,
PENSYARAH
KEUSAHAWANAN,
FAKULTI PERNIAGAAN,
EKONOMI DAN
PERAKAUNAN,
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.
merlyn@ums.edu.my

Kesimpulannya, sesebuah firma baharu haruslah menggembeng satu pasukan usahaniaga baharu yang mantap yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada individu yang berbakat, berpengalaman dan berpengetahuan tinggi dalam bidang kepakaran masing-masing. Ini bagi mengelakkan kecenderungan untuk melakukan kesilapan dalam pengurusan operasi dan strategi perniagaan.